



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

8 Disember 2016

Khamis

*Untuk Siaran Segera*

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MENGENAI PROSIDING PENGURUSAN  
SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK MASAK OLEH KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, mengadakan prosiding terhadap Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 di Dewan Rakyat pada 21 November 2016.
- 2) Hadir memberikan penjelasan di hadapan PAC Parlimen adalah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Dr. Haji Ahmad Kushairi Bin Din dan wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan En. Muez Bin Abd. Aziz.

- 3) PAC Parlimen hari ini telah mendengar penjelasan berkaitan Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Daripada maklumat yang diberikan, pada tahun 2013 sehingga April 2016 kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM2.38 bilion untuk membayar subsidi bagi menstabilkan harga minyak masak untuk keperluan orang ramai.
- 4) Langkah kerajaan memutuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengambil alih pengurusan subsidi minyak masak daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi adalah tepat oleh kerana minyak masak adalah barang kepenggunaan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.
- 5) Hasil daripada prosiding tersebut, perkara yang penting ialah soal penguatkuasaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan agensi-agensi lain bagi melaksanakan penguatkuasaan supaya ketirisan tidak berlaku yang boleh menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan jumlah subsidi yang besar.